

29 FEB 1996

Mahathir - Identiti

TERUSKAN USAHA KIKIS BUDAYA NEGATIF, KATA DR MAHATHIR

LANGKAWI, 29 Feb (Bernama) -- Usaha perlu diteruskan untuk mengikis budaya negatif yang menular di kalangan masyarakat, khususnya remaja.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata langkah itu perlu bagi mewujudkan rakyat Malaysia yang hidup berlandaskan budaya murni dan memiliki jatidiri ke arah mencapai matlamat Wawasan 2020.

"Malaysia tidak terkecuali daripada menghadapi masalah di kalangan muda-mudinya. Oleh itu, kita harus berusaha untuk membasmi kegiatan tidak sihat bagi melahirkan masyarakat mulia," tambahnya.

Beliau berkata demikian ketika melancarkan barangan jenama "Rakan Muda" dan "Champs" yang dipasarkan oleh Rakan Muda Corporation, di Dataran Lang, di sini hari ini.

Yang turut hadir ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik dan Menteri Besar Kedah, Tan Sri Haji Osman Aroff.

Dr Mahathir berkata, atas kesedaran itu, kerajaan melancarkan Program Rakan Muda membabitkan penyertaan remaja dalam pelbagai kegiatan sihat dan menolak aktiviti negatif yang boleh mencemarkan kemurnian hidup masyarakat dan negara.

Beliau berkata, rancangan itu diharap dapat menonjolkan identiti remaja yang berfikiran positif lagi berkelakuan tertib.

Katanya, usaha pelbagai pihak ke arah itu amat dialu-alukan sambil mengucapkan syabas kepada Rakan Muda Corporation atas daya usahanya memperkenalkan barangan pakaian dan kelengkapan rekreasi khususnya untuk remaja.

Sempena majlis itu, Perdana Menteri melancarkan barangan Champs dalam "home page" Rakan Muda Corporation dalam rangkaian Internet

Pada majlis itu juga, hadirin menyaksikan persembahan seni mempertahankan diri, pertunjukan kasut roda dan aksi penunggang basikal yang disertai remaja.

Terdahulu, Dr Mahathir melepaskan peserta acara Le Tour de Langkawi (Jelajah Langkawi) di hadapan Ibu pejabat Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA), di sini.

Sebanyak 138 pelumba dari 18 negara termasuk Malaysia, Australia, Jepun, China, New Zealand, Amerika Syarikat, Belanda, United Kingdom, Jerman, Ukraine, Republik Slovak, Perancis dan Emiriyah Arab Bersatu menyertai acara itu.

Le Tour de Langkawi, yang berkonsepkan "Tour de France" yang terkenal itu, diilhamkan oleh Dr Mahathir selaku penaung acara berkenaan.

Dalam acara itu, pelumba akan menjelajah mengelilingi Langkawi sejauh 75 km, sebelum memulakan cabaran bermula dari Kangar ke Kota Baharu dengan melalui semua negeri di Semenanjung.

Dari Kangar, pelumba akan ke Georgetown sejauh 190 km sebelum ke Ipoh (175 km), Tanjung Malim ke Genting Highlands (63 km), Kuala Lumpur ke Melaka (170 km), Muar ke Johor Baharu (177km), Mersing ke Kuantan (202 km), Kuantan ke Paka (110 km), Paka ke Kuala Terengganu (110 km), Kuala Terengganu ke Kota Baharu (167 km).

Dari Kota Baharu, para pelumba akan diterbangkan ke Langkawi untuk pusingan akhir pada 10 Mac mengelilingi pulau lagenda ini. -- BERNAMA

ZAA MFJ FAZ